

PPPM: Mampu lonjak kualiti pendidikan negara



MINDA PENDIDIK

ABDUL SAID AMBOTANG

Bersama
Mohd Yusof Abdullah, Baharom
Mohamad, Shukri Zain, Muhamad
Suhaimi Taat dan Roslee Talip

UB 07.11.2012 B4

TAHUN Ini sekali lagi gelombang arus pendidikan Negara diwarnai dengan lonjakan transformasi pendidikan dengan pelancaran model Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bagi tempoh 2013 hingga 2025 yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini. Usaha

berkenaan disambut dengan pelbagai reaksi oleh pelbagai golongan sama ada yang terbabit secara langsung dengan pendidikan atau secara tidak langsung. Bahangnya memang tidak dapat dinafikan amat dirasai khususnya dalam kalangan tenaga pendidik atau guru di seluruh Negara.

Terkandung di dalamnya ialah laporan maklum balas yang diterima daripada sesi dialog pendidikan, persidangan, seminar dan perbincangan meja bulat yang telah diadakan oleh pihak yang berminat mengenai pendidikan negara. Pelbagai idea dan pandangan dikumpul, dicerna dan diselaraskan untuk menghasilkan satu jangkaan model pelan pendidikan yang mapan dan relevan selari dengan adunan masa kini.

Proses mencanai potensi pendidikan bagi sesebuah negara adalah satu perkara yang amat penting. Di sinilah proses mencanai perkembangan dan potensi serta menakrif ciri dan identiti warga negara pada masa hadapan. Bagi pendidikan di Malaysia agenda utama ini terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang mendefinisikan matlamat dan fungsi pendidikan secara jelas dan telah diamalkan agak sekian lama di negara kita ini.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) menggariskan hala tuju pendidikan negara bagi tempoh 22 tahun akan datang. Inisiatif ini melibatkan satu tempoh yang penting dan amat getir kerana dalam tempoh berkenaan kita akan melalui tahun 2020 yang mana kita sedia maklum telah menakrifkan dan mensasarkan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju.

Penulisan ini tidak berhasrat untuk membincangkan PPPM secara keseluruhan dalam ruang yang terhad dan terbatas ini, tetapi sekadar berkongsi pandangan kerana PPPM setakat ini masih pada peringkat draf dan ruang masih terbuka bagi maklum balas diajukan kepada Kementerian Pelajaran. Maka dengan itu sudah tiba masa dan amat bertepatan sekali agar warga pendidik di seluruh Negara kena bangkit dan tampil ke hadapan dengan pelbagai idea yang strategik, kreatif dan inovatif untuk diterapkan dalam sistem pendidikan kita hari ini.

Dalam PPPM, antara perkara yang paling menonjol adalah hasrat pihak kerajaan untuk melonjakkan kualiti pendidikan di Malaysia ke tahap antarabangsa, baik dari sudut guru, kemudahan pendidikan, pembangunan kurikulum, pembangunan pelajar mahupun kemahiran berfikir. Semuanya diletakkan sebagai kayu ukur yang menepati piawaian antarabangsa. Selaras dengan hasrat ini adalah menjadi tanggungjawab semua warga pendidik agar bersikap terbuka dan lebih proaktif dalam mengalas cabaran yang diberikan dalam mewarnai agenda pendidikan yang diharapkan.

Selain itu penulis ingin menarik perhatian pembaca bahawa TIMS dan PISA juga merupakan satu rujukan penting bagi menilai kedudukan negara dalam pembelajaran Sains dan Matematik turut menjadi perhatian dalam PPPM kali ini. Perkara ini sekali lagi memperingatkan satu ujian terhadap kemampuan kognitif pelajar di peringkat sekolah. Oleh yang demikian sudah sampai masanya para guru yang terlibat secara langsung khususnya guru Sains dan Matematik mencirikan pembelajaran Sains dan Matematik berakar umbi kepada aspirasi dan keperluan masyarakat kita.

Titinjau dari aspek mata pelajaran Sains umpamanya perlu diajar seiring dengan nilai kehidupan dan kemanusiaan. Mata pelajaran ini adalah satu bidang ilmu yang meliputi cakupan pancaindera dan bermatlamatkan untuk mengenali Allah SWT sebagai pencipta bukannya nilai ilmiah semata-mata. Kandungan sememangnya sarat dengan nilai yang mampu mengukuhkan keyakinan pelajar sebagai golongan sasaran kepada kebesaran dan keagungan Allah SWT. Menerusi nilai mulia ini diharapkan dapat melahirkan individu yang mempunyai akhlak yang baik dan terpuji.

Sekiranya diteliti secara terperinci mata pelajaran Sains dalam dimensi ini tidak mendapat tempat yang sewajarnya pada peringkat antarabangsa. Maka dengan itu tidak hairanlah tamadun barat yang berteraskan kemajuan sains dan teknologi dan mendapat pengiktirafan dunia akhirnya menjerumuskan mereka sendiri ke dalam satu krisis kemanusiaan yang amat parah dan membimbangkan. Ramai pakar pendidikan mereka sudah mula menyedari dan mengkritik sistem pendidikan mereka sendiri yang tampak gagal dalam melahirkan modal insan yang mapan.

Seperkara lagi yang menarik dalam PPPM ini adalah mengenai pelaku pendidikan iaitu golongan guru. Secara jelas dan spesifik martabat guru akan diangkat bermula dari calon guru sehinggalah kepada latihan dan skim perkhidmatan. Pelbagai pengisian bakal dicanai dan dirancang untuk memantapkan sistem penyampaian agar dapat dimanfaatkan oleh pelajar dan guru sebagai agen transformasi pendidikan. Sememangnya tidak dapat dinafikan hal ini disambut baik oleh semua warga guru kerana guru adalah kelompok terpenting dalam mencorakkan masa depan negara menerusi pendidikan.

Namun demikian penulis menyarankan agar hal ini seharusnya dipanjangkan kepada semua warga pendidik atau guru tanpa mengira sempadan organisasi termasuklah para guru di sekolah yang bukan di bawah kelolaan dan pentadbiran Kementerian Pelajaran seperti sekolah agama rakyat, sekolah swasta, sekolah persendirian, sekolah menengah agama kerajaan negeri sekolah agama persendirian dan terkecuali sekolah antarabangsa di Negara kita. Perlu disedari agenda dalam PPPM adalah merupakan aspirasi Negara bukannya bersifat rigid dan terhad tetapi perlu difahami semua warga pendidik tidak kira di mana mereka berkhidmat.

Selain itu aspek kokurikulum juga masih memerlukan perhatian yang sewajarnya. Seharusnya perlu diwujudkan satu mekanisma untuk membantu sekolah yang bukan dalam kelolaan dan tadbir urus Kementerian Pelajaran bagi menghadapi perubahan sistem pendidikan yang semakin kompleks dan mencabar. Persoalan yang pernah timbul sejak Laporan Razak juga perlu diselesaikan segera. Jika satu ketika dulu kita berhadapan dengan sekolah vernakular, kini kita berhadapan pula dengan sekolah antarabangsa yang semakin subur dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Fenomena ini secara terang-terang memberikan pilihan untuk rakyat keluar daripada sistem pendidikan arus perdana jika tidak ditangani dengan berhati-hati.

Secara tuntasnya persoalan pelan pendidikan masa depan Negara menggamit perhatian banyak pihak. Isu yang dibangkitkan membabitkan masa depan kita, masa depan negara dan yang lebih penting adalah masa depan kita di hadapan-Nya. Oleh yang demikian adalah diseru penglibatan semua pihak untuk sama sama mengemblem tenaga dan tampil ke hadapan dengan idea kritis dan bernas dalam menjayakan program pelaksanaan PPPM pada masa akan datang.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan dapat dihubungi melalui solat5@yahoo.com